

PM syor kokurikulum koperasi di sekolah

Pendedahan awal pupuk minat golongan muda menabung

Oleh Azman Zakaria

SERI KEMBANGAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kegiatan koperasi diperluaskan di sekolah dengan menjadikannya sebagai kokurikulum untuk mendedahkan pelajar dalam kegiatan berkenaan.

Perdana Menteri berkata, pendedahan awal terhadap kegiatan koperasi penting untuk memupuk minat orang ramai sebaik-baiknya di mulakan pada peringkat usia muda.

Beliau berkata, ada kira-kira 2,000 koperasi sekolah di seluruh negara, satu bilangan yang kecil.

"Masih banyak sekolah belum ada gerakan koperasi. Saya harap setiap sekolah akan ada kegiatan berkenaan dan ia dijadikan satu daripada kegiatan kokurikulum.

"Bila anak didedahkan dengan gerakan koperasi di sekolah, apabila keluar sekolah dia akan ada keinginan untuk menyertai koperasi atau setidak-tidaknya menyokong kegiatan koperasi serta sedia untuk mem-

beri sokongan kepada kegiatan koperasi di negara ini," katanya ketika melancarkan Hari Koperasi Negara 2006 di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines di sini, semalam.

Hari koperasi diadakan sehingga Selasa ini bertepatan Koperasi Penggerak Pembangunan Ekonomi. Antara lain bertujuan menilai semula pencapaian gerakan koperasi dalam bidang ekonomi dan sosial serta mendapatkan idea baru untuk memperkukuhkan pengurusan, pentadbiran dan perniagaan koperasi.

Abdullah berkata, kerajaan mahu memperkasakan kegiatan koperasi menerusi penyertaan lebih ramai orang kerana semakin ramai menyertainya, semakin besar modal koperasi serta pulangan yang akan diperolehi ahli.

"Koperasi sudah sampai ke peringkat aset berbilion-bilin ringgit. Ia menandakan koperasi bukan gerakan kecil, sebaliknya berdaya maju dan boleh terus ditingkatkan," katanya.

Katanya, ahli koperasi pula mesti

menanam sikap sentiasa mahu mencapai kejayaan lebih besar dan bukan sekadar berpuas hati dengan pencapaian sekarang.

"Jika ada semangat dan sentiasa hendak menambah nilai pada diri sendiri dengan menuntut ilmu, apa diusahakan akan membuahkan hasil

yang tinggi," katanya.

Beliau turut meminta institusi koperasi meningkatkan bidang pengurusan, khususnya berkaitan kewangan dengan menjadikannya sebagai teras pada semua peringkat pengurusan supaya tidak ada koperasi terbiar berikutan pegawai yang tidak mendapat latihan.

Jabatan Pembangunan Koperasi pula, katanya, mesti mengamalkan perbincangan dan sentiasa mendapatkan maklum balas mengenai cara memajukan lagi koperasi, termasuk membawa bidang baru.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan anugerah koperasi terbaik dalam pelbagai kategori dengan Anugerah Koperasi Negara dimenangi Koperasi Kakitangan Petronas Bhd yang menerima wang tunai RM30,000, piala dan sijil; manakala Anugerah Kepimpinan Koperasi dimenangi Pengerusi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Bhd, Datuk Mat Rejab Kassim yang menerima wang tunai RM10,000, piala dan sijil.

FAKTA NOMBOR

Koperasi di Malaysia

4,771

Jumlah koperasi

5.68 juta

Jumlah ahli

RM6.85b

Modal Syer/yuran